

Ruj. Kami : ANM.PK.UPA/600-1/1/3 Jld. 2 (5)
Tarikh : 04 April 2022

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/
Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

TINDAKAN PENGESAHAN DAN VERIFIKASI ASET BUKAN KEWANGAN BAGI SUKUAN SATU (1) TAHUN 2022

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat bertarikh **JANM.BPOPA.600-1/4/1 (27) PENGESAHAN BAKI DAN VERIFIKASI ASET BUKAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2021** yang dikeluarkan pada 12 Oktober 2021 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato'/ Datin/ Tuan/Puan, tindakan **Pengesahan Baki dan Verifikasi Aset Bukan Kewangan bagi Sukuan Satu (1) Tahun 2022** hendaklah dilaksanakan oleh **PTJ Dipertanggung**. PTJ hendaklah melaksanakan tindakan sepertimana pelaksanaan pengesahan dan verifikasi yang telah dijalankan pada sukuan tiga (3) tahun 2021.

3. Lampiran dan Template Kosong berserta contoh proses kerja boleh diakses secara atas talian melalui pautan <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/index.aspx> atau pautan seperti di bawah:

https://drive.google.com/drive/folders/1_S65DDdH3RuI8Uh-0JbOqjlewe4iELEp

4. PTJ adalah diminta untuk mengemukakan Laporan pengesahan ke Unit Pengurusan Aset, JANM Negeri Perak secara *soft copy* melalui emel ke aset_prk@anm.gov.my **selewat-lewatnya pada 22 April 2022 (Jumaat)**. Butiran lanjut seperti berikut:

TINDAKAN	LAPORAN	TARIKH AKHIR SERAHAN
PTJ Dipertanggung	1. Laporan Baki Aset (LBA) yang telah dikemaskini; 2. Laporan A1 – Laporan Pengesahan Baki Dan Verifikasi Aset Bukan Kewangan; 3. Laporan A2 – Senarai Aset Wujud Tetapi Tiada Dalam LBA; 4. Laporan A3 – Senarai Aset Tidak Wujud Tetapi Ada Di LBA; 5. Laporan Penjejasan Aset; dan 6. Templet verifikasi Aset (TVA)	22 April 2022 (Jumaat) sebelum jam 5.00 Petang

5. Sehubungan dengan itu, tindakan **Penyesuaian Baki Aset Alih Sukuan 1 2022** adalah **ditangguhkan** sehingga terdapat arahan terbaru dari Bahagian Akaun Kementerian masing-masing. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

**UNIT PENGURUSAN ASET
 JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
 NEGERI PERAK**